



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/1999**

**Pindahmilik Tanah Pertanian Kepada Pemegang Amanah,
Wasi Atau Pentadbir (Disemak 2009)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 7/1999

Pindahmilik Tanah Pertanian Kepada Pemegang Amanah, Wasi Atau Pentadbir (Disemak 2009)

Pekeliling ini bertujuan menasihatkan semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai pindahmilik tanah pertanian kepada pemegang amanah (*trustee*), wasi (*executor*) atau pentadbir (*administrator*) yang melebihi seorang.

2. Peruntukan dalam Kanun Tanah Negara (KTN) mengenai pindahmilik tanah pertanian adalah pada seksyen 205 dan berkaitan dengan pegangan amanah (*trust*) pada seksyen 344. Subseksyen 205(3) KTN melarang urusan niaga bagi mana-mana tanah pertanian kepada lebih daripada seorang jika tanah itu apabila dipecah bahagi (*partition*) mengakibatkan keluasan mana-mana bahagian tanah kurang daripada dua per lima hektar ($2/5$ ha). Seksyen 344 KTN pula membolehkan tanah dipindahmilik kepada pemegang amanah. Di samping itu terdapat juga undang-undang lain berhubung dengan pemegang amanah iaitu Akta Pemegang Amanah 1949 (Disemak 1978) (Akta 208). Dalam perenggan 39(1)(a) dan (b) Akta Pemegang Amanah 1949 jumlah pemegang amanah pada amnya ditetapkan supaya tidak melebihi 4 orang dan seksyen 39(2) pula menetapkan lebih daripada 4 orang bagi amanah-amanah khairat (*charitable*), agama atau untuk tujuan awam. Di bawah seksyen 4, Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Disemak 1972) (Akta 97), Mahkamah pada amnya akan melantik tidak kurang dan dua orang sebagai pentadbir atau wasi bagi benefisiari kanak-kanak.

3. Pindahmilik tanah pertanian kepada pemegang amanah, wasi atau pentadbir yang melebihi daripada seorang tidak dihalang oleh subseksyen 205(3) KTN kerana tanah atau kepentingan yang berkenaan dipegang oleh mereka secara bersama (*jointly*) di bawah subseksyen 345(1) KTN dan bukan sebagai pemilik bersama (*co-proprietor*) di bawah seksyen 342 KTN.

4. Semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah dinasihatkan supaya tidak menolak permohonan pindahmilik tanah pertanian kepada pemegang amanah, wasi atau pentadbir yang melebihi daripada seorang.

Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan